

PLC dimensi baru pengajaran di sekolah

1314 2/12/2011 19.

Pengenalan kaedah Lesson Study mampu tingkat pemikiran reflektif kalangan pendidik

● MOHD RAFI MAMAT | BERITA HARIAN



Oleh Azran Jaffar
azran@bharian.com.my

GOLONGAN guru kini melihat Komuniti Pembelajaran Profesional ataupun *Professional Learning Communities* (PLC) yang merupakan satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan sebagai dimensi baru dalam amalan pengajaran kerana pembelajaran disusun melalui kerjasama dengan rakan-rakan guru supaya amalan pengajaran terbaik di dalam kelas dapat dihasilkan.

Walaupun pendekatan ini masih pada peringkat awal di Malaysia, menurut Timbalan Ketua Pengarah



KAEDAH pengajaran berkesan bukan saja memudahkan murid menerima tetapi juga meningkatkan prestasi sekolah.

Pendekatan PLC menyediakan perkakasan kepada guru untuk membentuk wawasan kaedah pengajaran mereka melalui maklum balas pelajar dan rakan guru.

Apabila guru memberikan fokus kepada waktu instruksional yang berkualiti, kaedah bertanya yang berkesan, pengurusan bilik darjah yang baik dan berbincang kesukaran pelajar menerima apa yang diajar bersama rakan, saya percaya satu bentuk kaedah pengajaran akan dapat dihasilkan.

PLC adalah konsep yang dibentuk bagi membantu dalam memperbaiki amalan pengajaran di negara ini melalui pelaksanaan pendekatan Lesson Study

Pada masa ini empat subjek dikenal pasti untuk program ini iaitu Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik dan Sains. Setakat ini juga, 289 ketua panitia mata pelajaran yang berada di Band 6 dan 7 Purata Gred Subjek di seluruh negara meliputi 99 pejabat pendidikan daerah dijemput menghadiri sesi bengkel selama empat hari untuk melaksanakan program Lesson Study di sekolah mereka.

Sesi bengkel diadakan di enam zon iaitu Tengah dan Selatan; Timur; Utara; Perak; Sabah dan Sarawak. Program ini bermula di Melaka pada 19 April lalu dan berakhir di Sibu Sarawak pada 25 Mei lalu.

Pelajaran (Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan), Datuk Asariah Mior Shaharuddin, pihak terbabit harus terus mencuba dan membentuk usaha bersama bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya.

Untuk itu, siri kursus dilaksanakan di seluruh negara untuk menerangkan dan melatih pihak terbabit – guru cemerlang, pegawai pendidikan daerah dan negeri dan ketua sekolah – terhadap perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan menilai inisiatif ini.

Tahun ini BPG memperkenalkan pendekatan Lesson Study yang dirangka daripada amalan dalam sistem pendidikan Jepun.

Pendekatan Lesson Study adalah mengenai membuka pintu kelas untuk rakan-rakan memberikan ko-

men dan maklum balas terhadap kaedah pengajaran seseorang guru. Ia meningkatkan pemikiran reflektif seseorang guru untuk pembetulan yang berterusan.

BPG sudah menyediakan portal untuk membentuk satu komuniti pembelajaran di kalangan guru supaya mereka boleh mengambil bahagian siri forum dan berkongsi kaedah terbaik dan dapatan kajian.

BPG sedang mengadakan siri pemantauan di sekolah yang terbabit dengan program ini dan perbincangan dengan guru sejak beberapa minggu kebelakangan ini yang mana guru didapati teruja untuk mencuba dan belajar sesama mereka.

Pendekatan ini mendorong guru mengadakan kajian di bilik darjah berhubung kaedah pengajaran me-

reka dan sikap murid terhadap pembelajaran.

Mengenai persoalan adakah pendekatan PLC akan memberikan impak kepada kejayaan Program Peningkatan Sekolah (SIP), ia berbeza kerana SIP mempunyai objektif jangka pendek dan panjang.

Membangunkan kapasiti guru terhadap kerja, bekerjasama, berkongsi, menilai dan belajar bersama dalam komuniti pembelajaran memberikan impak besar dan berpanjangan terhadap hasil pembelajaran pelajar.

Usaha memperkenalkan Lesson Study dan konsep pembelajaran bersama dengan mewujudkan komuniti pembelajaran profesional adalah untuk menukar falsafah kerja guru dan memberikan anjakan pa-

radigma dalam pemikiran terhadap mengajar dan belajar.

Mengajar bukan lagi tugas berseendirian, guru tidak boleh bekerja 'in silo' dan tidak ada pelajar yang boleh ditinggalkan kerana setiap pelajar mempunyai hak untuk pendidikan berkualiti.

Hasil pengajaran bukan sekadar lulus peperiksaan tetapi membangunkan kemahiran dan ilmu supaya pelajar menjadi manusia produktif.

Adalah diyakini kunci kejayaan dalam pengajaran adalah pemikiran reflektif.

Apabila guru mengimbas kaedah mengajarnya mereka secara berterusan akan berupaya memperbaikinya, seterusnya proses pembelajaran murid.

di Sibul, Sarawak pada 25 Mei lalu. Bengkel dijalankan oleh pelatih utama terdiri daripada pensyarah di Institut Pendidikan Guru, pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi, Guru Kanan di sekolah dan Pegawai Jabatan Pelajaran Negeri.

Pada bengkel ini kumpulan pengajar bekerja secara sistematik untuk memperbaiki bukan sekadar amalan pengajaran tetapi yang lebih penting pembelajaran murid, iaitu ciri utama PLC.

Langkah seterusnya pasukan pe-tugas PLC adalah membentuk komuniti pembelajaran di Sekolah Berkeperluan Khas, Sekolah Agama, Sekolah Orang Asli dan sekolah di pedalaman. Ia juga menunjukkan bahawa Kementerian Pelajaran serius dalam meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia.